

HARIAN METRO – 30.10.2021 m.s 10

Empat pintu masuk baharu imigresen

Kuala Lumpur: Pembukaan empat pintu masuk baharu membolehkan kawalan kemasukan warga asing dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, perancangannya pada masa akan datang adalah mengadakan hubungan dengan kerajaan negeri.

"Ia berikutan urusan pengambilan tanah dan kelulusan pihak berkuasa tempatan.

"Imigresen akan memberi fokus kepada sistem automasi di pintu masuk

baharu dan sedia ada supaya masa menunggu dapat dipercepatkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pihaknya juga merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kewangan di atas kelulusan menambah empat pintu masuk imigresen baharu.

Bajet 2022 dibentangkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menyaksikan sektor pertahanan dan ketenteraman awam terus diutamakan selepas kerajaan meluluskan empat pintu masuk imigresen baharu.